

16 AUG 1996
Ling-Kepuasan
KETURUNAN CINA DIINGATKAN JANGAN MUDAH PUAS HATI

LANGKAWI, 16 Ogos (Bernama) -- Keturunan Cina di Malaysia diingatkan agar tidak mudah merasa puas hati kerana masih banyak yang boleh dilakukan untuk memajukan negara.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata mereka telah mencapai banyak kejayaan, daripada sebuah kumpulan kecil dan dengan kerja kuat menyumbang kepada membangunkan Malaysia moden serta dari segi politik, ekonomi dan sosial.

"Hari ini keturunan Cina masih berganding bahu dengan keturunan lain untuk pertumbuhan dan pembangunan kebangsaan. Keturunan Cina tidak bergerak berasingan dari keturunan lain.

"Keturunan Cina tidak berhasrat bermegah dengan kejayaan yang dicapainya dan kami terus berusaha untuk memastikan kepesatan pembangunan Malaysia supaya menjadi negara maju pada masa hadapan," katanya.

Dr Ling, yang juga Presiden MCA, berkata demikian pada ucapannya pada jamuan tengah hari di Konvensyen Kedua Fujian Sedunia di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini hari ini.

Konvensyen dua hari itu dihadiri kira-kira 2,500 pemimpin dan wakil Hokkien dari seluruh dunia. Ia dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Ling berkata sebagai rakyat yang taat setia, rakyat Malaysia keturunan Cina akan berusaha sedaya upaya bergandingan dengan rakyat keturunan lain untuk mencapai Wawasan 2020.

"Dalam proses ini, Malaysia akan sekali lagi menjadi inspirasi kepada negara lain," katanya.

Katanya keturunan Cina tidak pernah diketepikan dalam menyuarakan harapan dan aspirasi mereka sepanjang sejarah negara.

"Kerajaan Barisan Nasional yang mewakili pelbagai kaum memberi peluang kepada parti-parti yang berasaskan kaum untuk mengemukakan harapan, kekhawatiran dan aspirasi keturunan mereka dalam proses penggubalan dasar.

"Kami percaya keharmonian dan keamanan yang wujud sekarang bukannya satu kebetulan dalam sejarah negara. Ianya adalah hasil daripada kerja keras dan kewujudan satu sistem kerajaan yang berkesan yang percaya kepada kata muafakat antara kumpulan-kumpulan kaum," katanya.

-- BERNAMA
ZAA AHH